

24/09/2000

BSLN pusat budaya, seni

Hasmi Hashim

DARIPADA maksud pidato Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, pada tanggal 27 Ogos 1958 - empat hari sebelum ulang tahun sulung kemerdekaan - dipertanggungjawabkan sudah kepada generasi pasca-merdeka agar membina sebuah negara yang mendapat ilham daripada karya seni lukis (bermaksud seni rupa). Dan betapa mustahak juga agar rakyat berpeluang melihat karya seni lukis daripada tangan anak watan yang terhimpun pada sebuah gedung khas - Balai Seni Lukis Negara (BSLN).

Jelas maksud pidato itu menjadi penegasan untuk kedua kalinya. Pertama, pada Mac 1956, waktu Inggeris masih bertuan di Tanah Melayu, ketika perasmian Pameran Terbuka Tahunan ke-3. Lapan bulan dalam udara kemerdekaan, pada tanggal 22 April 1958, kertas cadangan penubuhan diterima Jemaah Menteri, dan pada tahun 1959, Ordinan Balai Seni Lukis Negara diperkenan oleh Yang di-Pertuan Agong.

Usaha Jawatankuasa Perancangan BSLN, yang kemudiannya dikenali sebagai Jawatankuasa Kerja seramai tujuh nama, dibentuk oleh Majlis Kesenian Persekutuan. Pengerusinya Tan Sri Mubin Sheppard, selain dianggotai juga Tan Sri Mohd Ghazali Shafie, W M Emslie, Kington Loo, AJE Price, Frank Sullivan dan Yong Peng Seng. Pada Jun 1963 - Jawatankuasa berkenaan telah diambil alih tugasnya oleh Lembaga Amanah, yang disyaratkan tidak kurang 12 atau maksimum 21 ahli.

Sejak itu dasar BLSN jelas, tegas. Persembahan pameran seni lukis yang berasal dari dalam dan luar negara, juga penubuhan sebuah himpunan tetap karya-karya seni. Empat karya terawal yang menjadi himpunan tetap ialah Solomon Bermain Piano (Patrick Ng Kah Onn), Potret Diri (Mohd Hoessein Enas), Perairan Pulau Pinang (Chuah Thean Teng) dan HN Ridley (Howard Baron).

Apabila berlangsungnya Kongres Kebudayaan 1973, menjelaskan lagi betapa arah tuju kesenian nasional wajar berlandaskan nilai dan budaya tempatan - menjadi diri sendiri. Dalam tahun itu juga cadangan memperkembangkan BLSN, berstatus sebuah Muzium Seni Negara, ditolak kerajaan. Balai Seni Lukis Negara perlu kekal diri, kekal fungsi selain hanya perlu meluaskan peranannya.

Dua puluh lima tahun lamanya, tanpa banyak keluh-resah beruang sempit di Jalan Ampang, BSLN dipindahkan ke bangunan di sisi Jalan Sultan Hishamuddin. Dan pada 21 Mei 1984, Datuk Seri Dr Mahathir merasmikan bangunan lama yang berwajah baru itu - asalnya Hotel Majestic yang diubahsuai untuk fungsi sebuah balai seni lukis.

Biarpun di Jalan Ampang, mahu pun di Jalan Hishamuddin, BLSN telah bisa menghadirkan ramai nama besar pelukis negara - biarpun ramai juga yang tidak terdengar lagi, juga gigih menghuraikan setiap lapis maksud kesenian dalam masyarakatnya, sedang pula menjadi kesempatan paling selesa bagi pelukis muda mencelah masuk dalam arus perdana kesenian nasional. Semua ini ibarat dulang berbunga rampai, harum merebak serata ruang zaman.

Mengikuti catatan pengarah BLSN pada November 1988, Syed Ahmad Jamal merasakan betapa getar kesenian kontemporari sesungguhnya memerlukan segenap pepenjuru daya kerja dan minda matang dan lebih serius, juga yakin betapa maksud seni sememangnya berdaya untuk membawa kemurnian, ketulusan kepada manusia. Seni bukan kerja iseng-iseng, bukan bersudah apabila menang pertandingan, bukan terakhir apabila lukisan terjual, juga tidak pada hanya berhujung apabila punya ruang seluas padang.

Diskusi dan ceramah menjadi semakin penting, terlalu penting. Setiap

nadi seniman dan nafas karya hanya bisa terus hidup dengan pendokumentasian yang jujur, telus, juga mendalam - bukan sekadar katalog bergambar - justeru seniman dan karya seni sewajarnya juga dilihat sebagai watak penting dalam pembinaan peradaban dan ketamadunan sesebuah negara. Seni wajib bernyawa sejati-jatinya.

Sayang seribu kali sayang apabila pendokumentasian bagi karya tidak terlihat secara bersungguh dilakukan (kecuali generasi multimedia). Betapa masih ramai sang pelukis ternama yang masih giat berkarya tetapi tidak ada usaha jujur berkajian, analisis dan menghasilkan sebarang bentuk pendokumentasian mantap. Tentu lebih banyak yang dapat dicatatkan apabila pelukis masih hidup berbanding apabila hanya mengadap karya yang pelukisnya sudah mati.

Sejak seni lukis moden di Malaysia disempadankan sekitar 1920-an, pernyataan dalam perkembangan seni tampak jelas telah mewakili inspirasi rakyat jelata. Tidak pernah tiba-tiba seni tampak terlonjak menjadi wira - apatah lagi elitis sifatnya - tanpa bergaung di bawahnya pengorbanan sebelum udara kemerdekaan bisa dihirup segar.

Menjadikan karya seni tampak yang lahir pasca merdeka sebagai barang mewah semata-mata, bakal akhirnya tidak mampu menimbulkan rasa betapa ruang pameran sesungguhnya sudah terisi, sekurang-kurangnya dengan ilham - seperti maksud pidato Tunku Abdul Rahman, apatah lagi sebagai tamsilan ruang gelora jiwa rakyat, jiwa manusia, sayup lagi pada bicara membina kedaulatan.

Seni bukan hanya buat santapan pengunjung luar, lebih utama tentunya untuk watan sendiri mentelaah, berusaha membina ruang yang sedar ilmu. Jumlah ringgit yang melambung-lambung pada setiap pertandingan, tidak memberi petanda betapa tingkat kedarjatan seni tampak yang sebenar, yang sejati sudah terbentang. Sedang jarang sekali disusuli sejurus itu, tugas mengupas pengertian, melihat impak karya secara bersungguh-sungguh oleh sang pemenang, juga pihak yang mengkalungkan pengiktirafan.

Terus terang, ramai sang pemenang yang menjadikan penganugerahan itu sebagai portfolio semata bagi meningkatkan harga karya di pasaran komersial. Tidak lebih dari itu. Dan faham manusia Malaysia nampaknya cukup berjenaka - menang pertandingan, bermakna sudah layak menggelarkan diri seniman-pelukis.

Betapa benar ramai penama yang pernah tersenarai sebagai pemenang segala macam pertandingan, melewati setahun-dua akhirnya hilang dibawa angin. Yang mampu bertahan rata-rata sudah teralasan awal pendapatan lain. Ini realiti, dan realiti ini jugalah yang membuktikan rupa-rupanya senilukis nasional belum mampu memberi hidup kepada pelakunya yang sejati, setia.

Kira-kira mudah minta izin dibentangkan : sekiranya negara punya 100 orang pengkarya seni tampak dan tidak bertambah-tambah, dan setahun dianugerahkan 5 pemenang, lantaran itu 20 tahun diperlukan untuk giliran adil kepada semua. Itu tidak termasuk angka yang berulang!

Hujah betapa perkembangan seni tampak berjaya dibuktikan dengan jaya hasil pelbagai pertandingan diatur dan dilaksana, bukan barang kes atau fakta tepat yang bisa diterima pakai. Selain ramai juga pelukis yang menyatakan kegusaran, mengenai latar belakang syarikat sang gergasi yang sering dipantunkan sebagai penaja, berkiasan tersirat cuma hasrat ekonomi semata.

Memang aneh apabila tiba-tiba sang peraih menaruh minat terhadap seni dan kebudayaan yang jelas tidak memberi keuntungan ringgit kepada barang dagangannya, atau ini cuma mimpi yang kesiangan. Berpilih tentu lebih baik daripada terus memborong. Biarpun begitu, pihak balai tentu cukup masak akan permainan wayang sebegini, dan cukup mengenal watak yang tidak secocok dengan arah tuju kesenian dan kebudayaan sendiri.

Penantian 14 tahun untuk terdirinya BSLN kini tidak selama tempoh 25

tahun, sebelum punya bangunan sendiri. Pergedungan berharga RM40 juta, akan dirasmikan Perdana Menteri pada malam 27 September ini. Dan impian untuk mempunyai diri sendiri perlu jua tercapai. Bunga rampai ditabur-tabur; hati longlai jadi terhibur.